

**TEKS MEDIA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**LAWATAN
PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN
HARI RAYA PUASA 20 MEI 2020**

Kementerian telah membuat pengumuman harga maksimum SHMMP HRP 2020 pada 19 Mei 2020. Susulan itu, lawatan pada hari ini adalah bertujuan untuk membuat tinjauan ke atas peniaga untuk melihat pematuhan terhadap penguatkuasaan skim ini. Ini juga merupakan salah satu langkah Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup dan kenaikan harga barangan.

2. Walaupun negara kita sedang berdepan dengan situasi pandemik, Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa tetap dilaksanakan. Ini kerana masih terdapat permintaan daripada orang ramai terhadap barang-barang tertentu untuk menyambut perayaan tersebut. Tambahan pula, semua sektor ekonomi telah beroperasi semula semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan terdapat permintaan di peringkat industri termasuk restoran, hotel, kedai makan dan sebagainya.

3. Pelaksanaan SHMMP HRP dibuat dengan beberapa **penyesuaian tempoh masa dan barangan**. Tempoh masa pelaksanaan SHMMP HRP 2020 dipendekkan kepada 15 hari berbanding dengan tempoh selama 30 hari pada tahun 2019. Manakala sebanyak 11 barangan harga terkawal telah ditetapkan berbanding sebanyak 27 barangan pada tahun sebelumnya. Perubahan ini dibuat bersandarkan kepada

justifikasi bahawa apabila Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa mulai 4 Mei 2020 sebahagian besar sektor ekonomi telah dibuka. Peniaga-peniaga yang telah mula beroperasi perlu diberi ruang untuk memulihkan kembali perniagaan mereka. Tindakan ini bertujuan untuk menjaga kepentingan pengguna dan peniaga.

3. **Justeru itu**, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah **menguatkuasakan SHMMP HRP 2020** bermula dari **20 Mei hingga 3 Jun 2020**. Tempoh kuatkuasa skim ini adalah selama **15 hari** iaitu **4 hari sebelum hari perayaan, 1 hari pada hari perayaan dan 10 hari selepas hari perayaan**. Hari ini merupakan hari pertama pelaksanaannya di seluruh negara.

SENARAI BARANGAN HARGA TERKAWAL

4. Pada perayaan ini, sebanyak **11 jenis barangan harga terkawal telah ditetapkan** terdiri daripada kategori **ayam, telur ayam, daging dan kelapa**. Senarai barangan dan harga maksimum yang ditetapkan bagi **SHMMP HRP 2020** adalah seperti berikut:

Harga Maksimum Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2020 Bagi Seluruh Semenanjung				
Bil	Barangan	Unit	Harga (RM)	
			Borong	Runcit
1	Ayam hidup	1kg	5.70	6.20
2	Ayam standard	1kg	6.70	7.50
3	Ayam super	1kg	7.50	8.40

4	Telur ayam gred A	sebiji	0.38	0.40
5	Telur ayam gred B	sebiji	0.37	0.39
6	Telur ayam gred C	sebiji	0.36	0.38
7	Daging lembu tempatan	1kg	32.00	34.00
8	Daging lembu import	1 kg	*Dikawal di Sarawak Sahaja	
9	Daging kerbau import (India)	1kg	18.00	20.00
10	Kelapa biji	sebiji	1.90	-
11	Kelapa parut	1kg	-	7.20

5. Sepanjang lawatan pada hari ini di **Econsave, Kajang** diperhatikan bahawa kesemua barang kawalan dijual tidak melebihi harga kawalan. Peniaga digalakkan menjual barangan pada harga yang lebih rendah daripada harga maksimum sekiranya kos yang diperolehi bagi barangan tersebut adalah lebih rendah.

KEWAJIPAN PENIAGA

6. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana peniaga yang menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum yang ditentukan oleh Kerajaan dan gagal meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu. Kerajaan mewajibkan tanda harga merah jambu ke atas barangan harga terkawal bagi membezakannya dengan barangan lain.

7. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

(i) Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:

Individu - boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 **atau** dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun **atau** kedua-duanya; **atau** dikompaun sehingga RM50,000.

Syarikat - boleh didenda sehingga RM500,000 **atau** dikompaun sehingga RM250,000; dan

(ii) kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:

Individu - boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 **atau** dikompaun sehingga RM5,000.

Syarikat - boleh didenda sehingga RM20,000 **atau** dikompaun sehingga RM10,000.

8. **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan** akan membuat pemantauan untuk memastikan bekalan barangan adalah mencukupi dan memastikan harga dipasaran adalah berpatutan. Disamping itu, **Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** akan **berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah** seperti pasar awam, pasar tani dan pasaraya untuk **menjalankan pemeriksaan dan pemantauan**. Langkah-langkah ini adalah usaha berterusan bagi **melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika** semasa musim perayaan.

9. Kementerian telah menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga.

10. Peniaga hendaklah mematuhi arahan yang dikenakan dan mengamalkan sikap beretika dalam menguruskan perniagaan manakala pengguna mestilah mengetahui tanggungjawab dan menggunakan hak mereka. Saya menyarankan kepada supaya tidak membuat pembelian berlebihan yang boleh memberi tekanan kepada harga barangan. Disamping itu, di ingatkan agar pengeluar, pemborong dan peruncit tidak menaikkan harga secara mendadak selepas berakhirnya pelaksanaan Skim ini. Skim ini akan berjaya sekiranya semua pihak bertanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing.

PEMATUHAN KEPADA HARGA KAWALAN AYAM

11. Pada hari pertama SHMMP Hari Raya Puasa dilaksanakan, Pegawai Penguat Kuasa telah melakukan pemeriksaan ke atas semua pasar-pasar utama dan pasaraya di seluruh negara. Maklum balas hasil pemeriksaan daripada semua Pejabat KPDNHEP Negeri mendapati rata-rata peniaga patuh dengan harga maksimum runcit ayam standard yang ditetapkan oleh Kerajaan. Semua pasar basah dilaporkan menjual ayam standard pada harga maksimum runcit iaitu RM7.50 sekilogram. Malahan di Pasar Besar Alor Setar didapati ada peniaga ayam menjual pada harga yang lebih rendah. Pemantauan di peringkat pasaraya mendapati ayam dijual pada harga antara RM7.00 hingga RM7.40 sekilogram iaitu lebih rendah daripada harga maksimum yang ditetapkan.

12. Semasa tindakan pemeriksaan oleh Pegawai Penguat Kuasa, satu tindakan kes telah diambil ke atas peniaga di salah sebuah pasar basah di Kuala Lumpur. Didapati peniaga tersebut menjual ayam standard pada harga runcit RM9.00 sekilogram iaitu melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Peniaga telah dikompaun sebanyak RM2500.00 dan di beri tempoh 14 hari untuk membayar kompaun tersebut dan sekiranya gagal akan didakwa di mahkamah.

13. Jika didapati ada peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk skim ini, **pengguna boleh menyalurkan aduan** kepada Kementerian melalui:

- (i) Portal **e-aduan@kpdnhep.gov.my**
- (ii) **Call Centre 1800 886 800**
- (iii) Emel **e-aduan@kpdnhep.gov.my**
- (iv) aplikasi telefon pintar **Ez ADU**
- (v) **Enforcement Command Centre (ECC) 03-8882 6245 / 6088**
- (vi) Whatsapp ke **019- 279 4317**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna
Putrajaya

20 Mei 2020